

# Berkenan berangkat ke Hafli



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah dan sijil kepada para graduan UNISSA bersempena Majlis Hafli Al-Takharruj UNISSA ke-7.

Oleh Salawati Haji Yahya & Siti Nur Wasimah S.  
Gambar oleh Muiz Matdani

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Okt - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah dan sijil kepada 182 graduan UNISSA dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian pada Majlis Hafli Al-Takharruj UNISSA ke-7, hari ini.

Berangkat sama ke majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Canselor UNISSA.

Keberangkatan Baginda dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman selaku pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Pada majlis itu, selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum Sultanana' berkumandang mengiringi perarakan masuk Baginda Sultan dan Duli Pengiran Muda Mahkota ke Dewan Plenari dan diikuti lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hafli Al-Takharruj diimarahkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung bergambar bersama.

Surah Al-Maaidah dibacakan oleh graduan Program Sarjana Muda Usuluddin Tafsir Hadith, Awang Muhammad Hashim bin Haji Abdullah.

Manakala bacaan Al-Hadith disampaikan oleh graduan Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah, Awang Mohammad Marzuqi bin Sabtu.

Sementara intisari ayat Al-Quran berserta Al-Hadith dibacakan oleh graduan Program Sarjana Muda Undang-

Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah, Sheikh Husrin Jairul Azry bin Sheikh Hassan.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hafli Al-Takharruj tahun ini menyaksikan seorang graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 38 graduan Ijazah Sarjana, enam penerima Program

Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syari'e dan 14 penerima Diploma Lepas Ijazah.

Selain itu, 98 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda, tiga Ijazah Khas Hafaz Al-Quran 30 Juzuk, dua Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan al-Dirasaat al-Islamiyyah dan 23 penerima Sijil Barnamij al-Tarqiyah (Program Peningkatan) dan Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah.

Daripada jumlah tersebut, seramai empat graduan berjaya memperoleh Kepujian Kelas Pertama yang terdiri daripada Dayang Najwa Izzati binti Haji Isa dan Dayang Nur Hayati binti Haji Abas yang mana masing-masing daripada Program Sarjana Muda Bahasa Arab.

Manakala Dayang Afeefah binti Haji Othman@Haji Awang Othman graduan Program Sarjana Muda Sain Dalam Kewangan Islam sementara Dayang Nur Rahimah Binti Brahim, graduan Program Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul).

Fakulti Syariah dan Undang-Undang pada tahun ini buat kali kedua melahirkan seramai lapan graduan berjaya mengikuti Program Dwilijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah yang mengambil masa pengajian selama lima tahun.



UNISSA pada tahun ini juga menawarkan program di bawah Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam untuk mempelbagaikan lagi peluang kursus-kursus yang boleh diikuti untuk melahirkan generasi berpendidikan sesuai menyangkut Wawasan Brunei 2035.



Antara graduan UNISSA yang diraikan pada majlis tersebut.



# Al-Takharruj UNISSA ke-7



## Perjalanan UNISSA sepanjang 10 tahun

Oleh Siti Nur Wasimah S &  
Salawati Haji Yahya  
Gambar oleh Muiz Matdani

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Okt - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) kini telah mencecah usianya 10 tahun dan sepanjang 10 tahun itu, UNISSA menyongsong pelbagai cabaran dan dugaan di samping meningkatkan perkembangan dan pengukuhannya serta pemerksaan agama Islam.

UNISSA telah memulakan operasinya dengan pengambilan sulung seramai 107 pelajar yang mengikuti pengajian dalam 10 program yang ditawarkan oleh empat buah fakulti dan pada hari ini, UNISSA mempunyai seramai 1,096 pelajar yang sedang mengikuti pengajian 37 program akademik di lima buah fakulti dan tiga pusat kecemerlangan akademik untuk mencatat purata peningkatan kemasukan pelajar baru setiap tahun sebanyak 19 peratus.

Perkara ini disentuh oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyampaikan sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj ke-7 UNISSA di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

Seterusnya, melihat perkembangan positif daripada para pelajar dalam luar dan negara, UNISSA terus mengekalkan 'niche' kurikulumnya yang bersepadu. Di samping kursus Al-Quran sebagai kursus teras semua peringkat pengajian, UNISSA juga mewajibkan kursus ICT dan terbaru kursus keusahawanan sebagai kursus asas bagi semua pelajar prasiswazah.

"Kurikulum merentasi disiplin dengan pengembangan beberapa yang 'marketable' mengikut tuntutan industri semasa ini sangat signifikan dalam usaha melahirkan generasi beragama dan progresif menjelang 2035."

Di samping itu juga, sesuai dengan kepekaan global dalam industri halal, UNISSA tanpa berlembang telah menubuhkan Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban dengan menawarkan program minor yang sangat diminati.

Program minor mula diperkenalkan pada semester sesi 2017/2018 sebagai nilai tambah yang memberikan para pelajar peluang untuk meneroka lebih daripada satu jurusan, sekali gus memberikan kelebihan dalam persaingan mendapat tempat di lapangan kerjaya kelak.

Dalam usaha membantu pembangunan negara yang seimbang, UNISSA juga telah mengambil perhatian yang sewajarnya terhadap aktiviti penyelidikan yang mana aktiviti ini terus dipertingkatkan dan dibudayakan bukan hanya bersifat dalaman bahkan bersama institusi lain.

Menurutnya lagi, sehingga kini, sebanyak 151 penerbitan dihasilkan oleh UNISSA Press yang merangkumi buku, jurnal, ensiklopedia, monograf, kamus, prosiding dan buku teks.

"Dalam agenda pengantarabangsaan pula, UNISSA telah menjalin kerjasama strategik dengan 74 buah institusi pengajian tinggi dan badan profesional serantau dan antarabangsa melalui penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA).

"Alhamdulillah, melalui MoU ini, UNISSA telah menghantar seramai 131 orang pelajar yang cemerlang dalam pelbagai bidang untuk mengikuti pengajian selama satu hingga dua semester di universiti-universiti berkenaan."

Sejak kehadiran UNISSA yang menawarkan program pengajian Islam di rantau ini, UNISSA mula menjadi

pilihan alternatif bagi pelajar serantau dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian Islam ke peringkat lebih tinggi, di mana sekitar 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa ketika ini adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa.

"Alhamdulillah sehingga ke hari ini, UNISSA telah menerima seramai 197 pelajar antarabangsa dari 34 buah negara dan lulusan pelajar antarabangsa UNISSA telah berkhidmat di negara masing-masing dan menyumbang secara langsung kepada pembangunan dan perkembangan Islam di sana."

UNISSA, jelasnya lagi, tahun ini telah memperkenalkan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang mana ia merupakan sebuah platform kepada para pegawai kerajaan dan swasta serta masyarakat untuk menggalakkan budaya pembelajaran berterusan demi membentuk sebuah bangsa yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Di samping itu, adalah menjadi tugas UNISSA dengan kepakaran yang dimiliki untuk memberikan khidmat kepada apa jua isu berkaitan hal-hal keagamaan.



Duli Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat ke majlis tersebut.



Antara persembahan yang diadakan bagi memeriahkan lagi majlis.